# HIMPUNAN FATWA NEGERI PULAU PINANG

- Fatwa Isu Umat Islam Yang Berjuang Di Syiria
- Fatwa Mengenai Anak Tak Sah Taraf
- Fatwa Mengenai Fahaman Syiah
- Fatwa Mengenai Hukum Wanita Menyerupai Lelaki
- Fatwa Senaman Yoga

NEGERI PULAU PINANG

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

**Jil. 60** **13hb Oktober 2016** **No. 21**

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI PULAU PINANG) 2004

*ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM*
*(STATE OF PENANG) ENACTMENT 2004*

No. 713.

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 48

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 48 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 [*Enakmen 2*], atas perkenan Yang di-Pertuan Agong, Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang, membuat fatwa sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

FATWA ISU UMAT ISLAM MALAYSIA YANG BERJUANG DI SYRIA ATAS NAMA ISLAMIC STATE OF IRAQ AND SYRIA (ISIS)

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 6/2014 telah membincangkan tentang Isu Umat Islam Malaysia Yang Berjuang Di Syria Atas Nama ISIS menurut pandangan syarak dan memutuskan seperti yang berikut:

(1) Setelah meneliti laporan penyelidikan yang telah diperakukan oleh Panel Pakar Akidah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan kertas kerja yang disediakan oleh Sahibus Samahah Dr. Zulkifli bin Mohamad al-Bakri, Mufti Wilayah Persekutuan serta meneliti fakta-fakta, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, mesyuarat mendapati bahawa:

(a) ISIS atau Islamic State of Iraq and Levant (ISIL) merupakan rentetan dari gerakan *Salafi Jihadi* di Iraq yang pada asalnya terdiri dari tiga organisasi jihad yang berbeza: iaitu Ansar al-Islam yang terdiri dari kelompok Salafi Jihadi warga Iraq yang membentuk kawasan 'pemerintahan Islam' mereka yang tersendiri dan mengamalkan kehidupan Islami ortodoks dan radikal, keduanya, kumpulan Mujahidin berasal dari Jordan di bumi Iraq yang mengisytiharkan diri mereka sebagai '*Jamaah al-Tawhid wa al-Jihad*' di bawah pimpinan Abu Mus'ab al-Zarqawi yang berhijrah ke Iraq untuk melancarkan jihad memerangi pendudukan tentera Amerika Syarikat ke atas bumi Iraq dan juga kumpulan mujahidin al-Qaeda yang berhijrah dari Afghanistan, akibat serangan Amerika Syarikat ke atas bumi Afghanistan selepas peristiwa 11 September; dan

(b) Kebanyakan para ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah di seluruh dunia mengingatkan umat Islam agar tidak terpengaruh dengan kumpulan ISIS atau ISIL ini kerana ideologi keganasan dan sikap mereka yang mengkafirkan orang yang tidak sehaluan dengan mereka dan menghalalkan darah mereka. Mereka membunuh rakyat tidak berdosa dan menghalau golongan Kristian dan Yazidi dengan penuh kezaliman. Para Ulama Ahli Sunnah di seluruh dunia melabelkan ISIS atau ISIL ini sebagai Khawarij di zaman moden dan Jumhur Ulama Ahli Sunnah bersepakat mengenai kesesatan dan juga penyelewengan golongan ini dan memperingatkan umat Islam agar tidak terpedaya dengan segala propaganda ISIS atau ISIL ini.

(2) Sehubungan itu, berdasarkan fakta-fakta yang telah dikemukakan dan selaras dengan nas-nas syarak, mesyuarat berpandangan bahawa kecenderungan dan keghairahan umat Islam untuk berjihad atas nama ISIS atau ISIL di bumi Syria adalah berpunca daripada kekeliruan dalam memahami konsep jihad dan mati syahid yang sebenar menurut Hukum Syarak. Seruan jihad dan mati syahid yang dipegang oleh mereka adalah bercanggah dengan Islam dan boleh membawa kepada kekufuran kerana mereka menghalalkan darah sesama umat Islam.

(3) Oleh itu, mesyuarat menegaskan bahawa tindakan umat Islam dari Malaysia yang telah ataupun yang ingin berjuang atas nama jihad di bumi Syria bagi menyokong golongan ISIS atau ISIL adalah sia-sia kerana perjuangan mereka tidak tergolong sebagai jihad dan kematian mereka juga tidak dikategorikan sebagai syahid menurut kerangka Hukum Syarak.

(4) Mesyuarat menasihatkan seluruh umat Islam di Malaysia supaya menginsafi diri dan tidak mudah terpengaruh atau terjebak dengan keganasan dan propaganda perjuangan kumpulan ISIS atau ISIL ini.

Dibuat 6 Mei 2016
[JMNPP/(S)/19/1101/001 Klt. 3; PUNPP 352/100/1/2/EA/1 Jld. 3]

Dengan Titah Perintah

DATO' DR. WAN SALIM BIN WAN MOHD. NOOR
*Pengerusi Jawatankuasa Fatwa*
*Pulau Pinang*

*FATWA* UNDER SECTION 48

In exercise of the powers conferred by section 48 of the Administration of the Religion of Islam (State of Penang) Enactment 2004 [*Enactment* 2], on the assent of the Yang di-Pertuan Agong, the *Fatwa* Committee for the State of Penang, makes the *fatwa* as set out in the Schedule.

SCHEDULE

*FATWA ISU UMAT ISLAM MALAYSIA YANG BERJUANG DI SYRIA ATAS NAMA ISLAMIC STATE OF IRAQ AND SYRIA (ISIS)*

*Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 6/2014 telah membincangkan tentang Isu Umat Islam Malaysia Yang Berjuang Di Syria Atas Nama ISIS menurut pandangan syarak dan memutuskan seperti yang berikut:*

*(1) Setelah meneliti laporan penyelidikan yang telah diperakukan oleh Panel Pakar Akidah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan kertas kerja yang disediakan oleh Sahibus Samahah Dr. Zulkifli bin Mohamad al-Bakri, Mufti Wilayah Persekutuan serta meneliti fakta-fakta, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, mesyuarat mendapati bahawa:*

*(a) ISIS atau Islamic State of Iraq and Levant (ISIL) merupakan rentetan dari gerakan Salafi Jihadi di Iraq yang pada asalnya terdiri dari tiga organisasi jihad yang berbeza: iaitu Ansar al-Islam yang terdiri dari kelompok Salafi Jihadi warga Iraq yang membentuk kawasan 'pemerintahan Islam' mereka yang tersendiri dan mengamalkan kehidupan Islami ortodoks dan radikal, keduanya, kumpulan Mujahidin berasal dari Jordan di bumi Iraq yang mengisytiharkan diri mereka sebagai 'Jamaah al-Tawhid wa al-Jihad' di bawah pimpinan Abu Mus'ab al-Zarqawi yang berhijrah ke Iraq untuk melancarkan jihad memerangi pendudukan tentera Amerika Syarikat ke atas bumi Iraq dan juga kumpulan mujahidin al-Qaeda yang berhijrah dari Afghanistan, akibat serangan Amerika Syarikat ke atas bumi Afghanistan selepas peristiwa 11 September; dan*

*(b) Kebanyakan para ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah di seluruh dunia mengingatkan umat Islam agar tidak terpengaruh dengan kumpulan ISIS atau ISIL ini kerana ideologi keganasan dan sikap mereka yang mengkafirkan orang yang tidak sehaluan dengan mereka dan menghalalkan darah mereka. Mereka membunuh rakyat tidak berdosa dan menghalau golongan Kristian dan Yazidi dengan penuh kezaliman. Para Ulama Ahli Sunnah di seluruh dunia melabelkan ISIS atau ISIL ini sebagai Khawarij di zaman moden dan Jumhur Ulama Ahli Sunnah bersepakat mengenai kesesatan dan juga penyelewengan golongan ini dan memperingatkan umat Islam agar tidak terpedaya dengan segala propaganda ISIS atau ISIL ini.*

*(2) Sehubungan itu, berdasarkan fakta-fakta yang telah dikemukakan dan selaras dengan nas-nas syarak, mesyuarat berpandangan bahawa kecenderungan dan keghairahan umat Islam untuk berjihad atas nama ISIS atau ISIL di bumi Syria adalah berpunca daripada kekeliruan dalam memahami konsep jihad dan mati syahid yang sebenar menurut Hukum Syarak. Seruan jihad dan mati syahid yang dipegang oleh mereka adalah bercanggah dengan Islam dan boleh membawa kepada kekufuran kerana mereka menghalalkan darah sesama umat Islam.*

(3) *Oleh itu, mesyuarat menegaskan bahawa tindakan umat Islam dari Malaysia yang telah ataupun yang ingin berjuang atas nama jihad di bumi Syria bagi menyokong golongan ISIS atau ISIL adalah sia-sia kerana perjuangan mereka tidak tergolong sebagai jihad dan kematian mereka juga tidak dikategorikan sebagai syahid menurut kerangka Hukum Syarak.*

(4) *Mesyuarat menasihatkan seluruh umat Islam di Malaysia supaya menginsafi diri dan tidak mudah terpengaruh atau terjebak dengan keganasan dan propaganda perjuangan kumpulan ISIS atau ISIL ini.*

Made 6 May 2016
[JMNPP/(S)/19/1101/001 Klt. 3; PUNPP 352/100/1/2/EA/1 Jld. 3]

By Command

DATO' DR. WAN SALIM BIN WAN MOHD. NOOR
*Chairman of the Fatwa Committee*
*State of Penang*

اينكمن ڤنتدبيرن اݢام اسلام
(نݢري ڤولاو ڤينڠ) 2004

فتوى دباوه سيکشن 48

ڤد منجالنكن كواس يڠ دبريكن اوليه سيكشن 48 اينكمن ڤنتدبيرن اݢام اسلام (نݢري ڤولاو ڤينڠ) 2004 [*اينكمن 2*]. اتس ڤركنن يڠ دڤرتوان اݢوڠ، جاوتنكواس فتوى نݢري ڤولاو ڤينڠ، ممبوات فتوى يڠ دڽاتاكن دالم جدوال.

جدوال

فتوى ايسو اومت اسلام مليسيا يڠ برجواڠ د سوريا اتس نام
(ISIS) ISLAMIC STATE OF IRAQ AND SYRIA

مشوارت جاوتنكواس فتوى نݢري ڤولاو ڤينڠ بيلاڠن 2014/6 تله ممبينچڠكن تنتڠ ايسو اومت اسلام مليسيا يڠ برجواڠ د سوريا اتس نام ISIS منوروت ڤنداڠن شرع دان مموتوسكن سڤرتي يڠ برايكوت:

(1) ستله منليتي لاڤورن ڤليديقن يڠ تله دڤراكوكن اوليه ڤانل ڤاكر عقيدة جابتن كماجوان إسلام مليسيا (JAKIM) دان كرتس كرجا يڠ دسدياكن اوليه صاحب السماحة دوكتور ذوالكفل بن محمد البكري، مفتي ولايه ڤرسكوتوان سرتا منليتي فكتا-فكتا، حجه-حجه دان ڤنداڠن يڠ دكموكاكن، مشوارت منداڤتي بهاوا:

*(a)* ISIS اتاو Islamic State of Iraq and Levant (ISIL) مروڤاكن رينتيتن دري ݢرقن *سلفي جهادي* دعراق يڠ ڤد اصلڽ ترديري دري تيك اورݢانيسلسي جهاد يڠ بربيذا: ياءيت انصار الإسلام يڠ ترديري دري كلومڤوق سلفي جهادي ورݢ عراق يڠ ممبنتوق كاوسن ڤمرينتهن إسلام مريك يڠ ترسنديري دان مڠعملكن كهيدوڤن إسلامي اورتودوكس دان راديكل، كدواڽ، كومڤولن مجاهدين براصل دري جوردن د بومي عراق يڠ مڠيشتيهاركن ديري مريك سباݢاي *جماعة التوحيد والجهاد* د باوه ڤيمڤينن أبو مصعب الزرقاوى يڠ برهجرة ك عراق اونتوق ملنچركن جهاد ممرڠي ڤندودوقن تنترا اميريكا شريكت كاتس بومي عراق دان جوݢ كومڤولن مجاهدين القاعدة يڠ برهجرة دري أفغانستان، عقيبة سراڠن اميريكا شريكت كاتس بومي افغانستان سلڤس ڤريستيوا 11 سيڤتيمبر; دان

*(b)* كباپقن ڤارا علماء اهل السنة والجماعة د سلورره دنيا مڠيڤتكن اومت اسلام اݢر تيدق ترڤڠاروه دڠن كومڤولن ISIS اتاو ISIL اين كران ايديولوݢي ككانسن دان سيكڤ مريك يڠ مڠكافيركن اورڠ يڠ تيدق سهلوان دڠن مريك دان مڠحلالكن داره مريك. مريك ممبونوه رعيت تيدق بردوسا دان مڠهالاو ݢولوڠن كريستيان دان يازيدي دڠن ڤنوه كظاليمن. ڤارا علماء أهل السنة د سلورره دنيا ملابلكن ISIS اتاو ISIL اين سباݢاي خوارج د زمان مودن دان جومهور علماء اهل السنة برسڤاكت مڠناءي كسستن دان جوݢ ڤليويڠ ݢولوڠن اين دان مڠرايڠتكن اومت إسلام اݢر تيدق ترڤداي دڠن سݢالا ڤروڤاݢندا ISIS اتاو ISIL اين.

(2) سهوبوڠن ايت، برداسركن فكتا-فكتا يڠ تله دكموكاكن دان سلارس دڠن نص-نص شرع، مشوارت برڤنداڠن بهاوا كچندروڠن دان كڠيرهن اومت إسلام اونتوق برجهاد اتس نام ISIS اتاو ISIL د بومي سريا اداله برڤونچا درڤد ككليروان دالم ممهمي كونسيڤ جهاد دان ماتي شهيد يڠ سبنر منوروت حكوم شرع. سروان جهاد دان ماتي شهيد يڠ دڤݢڠ اوليه مريك اداله برچڠݢه دڠن إسلام دان بوليه ممباوا كڤد ككفورن كران مريك مڠحلالكن داره سسام اومت إسلام.

(3) اوليه ايت، مشوارت منݢسكن بهاوا تيندقن اومت إسلام دري مليسيا يڠ تله اتاو ڤون يڠ ايڠين برجواڠ اتس نام جهاد دبومي سريا باݢي ميوكوڠ ݢولوڠن ISIS اتاو ISIL اداله سيا-سيا كران ڤرجواڠن مريك تيدق ترݢولوڠ سباݢاي جهاد دان كماتين مريك جوݢ تيدق دكاتݢوريكن سباݢاي شهيد منوروت كرڠك حكوم شرع.

(4) مشوارت مناصيحتكن سلورره اومت إسلام د مليسيا سوڤاي مڠينصافي ديري دان تيدق موده ترڤڠاروه اتاو ترجبق دڠن ككانسن دان ڤروڤاݢندا ڤرجواڠن كومڤولن ISIS اتاو ISIL اين.

دبوات 6 مي 2016
[JMNPP/(S)/19/1101/001 Klt. 3; PUNPP 352/100/1/2/EA/1 Jld.3]

دڠن تيته ڤرينته

داتوء دوكتور وان سليم بن وان محمد نور
*ڤڠروسي جاوتنكواس فتوى*
*نݢري ڤولاو ڤينڠ*

NEGERI PULAU PINANG

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

| | | |
|---|---|---|
| Jil. 49<br>No. 22 | **27hb Oktober 2005** | *TAMBAHAN No. 11*<br>*PERUNDANGAN* |


Pg. P.U. 19.

ENAKMEN PENTADBIRAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG 1993

ADMINISTRATION OF ISLAMIC RELIGIOUS AFFAIRS ENACTMENT OF THE STATE OF PENANG 1993

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 37

*FATWA* UNDER SECTION 37

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 37 Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang 1993, seperti yang dinyatakan dalam Jadual, Mufti bagi Negeri Pulau Pinang membuat fatwa. *En. No. [illegible] 1993*

IN exercise of the powers conferred by section 37 of the Administration of Islamic Religious Affairs Enactment of the State of Penang 1993, as specified in the Schedule, the Mufti of the State of Penang makes the *fatwa*. *En. No. [illegible] 1993*

JADUAL/SCHEDULE

FATWA MENGENAI ANAK TAK SAH TARAF

*(a)* Anak Tak Sah Taraf ialah:

(i) Anak yang dilahirkan di luar nikah sama ada akibat zina atau rogol dan dia bukan daripada persetubuhan syubhah atau bukan daripada anak perhambaan.

(ii) Anak dilahirkan kurang dari enam bulan dua lahzah (saat) mengikut takwim qamariah daripada tarikh tamkin (setubuh).

*(b)* Anak tak sah taraf sama ada diikuti dengan perkahwinan pasangan itu atau tidak hendaklah dibinkan atau dibintikan kepada *"Abdullah"*.

*(c)* Anak tak sah taraf tidak boleh dinasabkan kepada lelaki yang menyebabkan kelahirannya atau kepada sesiapa yang mengaku menjadi bapa kepada anak tersebut. Oleh itu tidak boleh pusaka-mempusakai dan tidak menjadi mahram antara keduanya.

*(d)* Lelaki yang menyebabkan kelahiran anak tak sah taraf atau yang mengaku menjadi bapa kepada anak tersebut tidak boleh menjadi wali kepada anak tak sah taraf tersebut.

١. انق تق صح طرف اياله :

ا. انق يڠ دلاهيرکن دلوار نکاح سماٴدا عقيبة زنا اتو روکوٴل دان دي بوکن درقد ڤرستوبوهن شبهة اتو بوکن درقد انق ڤرهمباٴن.

ب. انق دلاهيرکن کورڠ دري انم بولن دوا لحظة ( ساعة ) مڠيکوت تقويم قمرية درقد تاريخ تمکين ( ستوبوه ) .

ب. انق تق صح طرف سماٴدا دايکوتي دڠن ڤرکهوينن ڤاسڠن ايت اتو تيدق هندقله دبينکن اتو دبينتيکن کڤد " عبد الله " .

ج. انق تق صح طرف تيدق بوليه دنسبکن کڤد للاکي يڠ مپببکن کلاهيرنڽ اتو کڤد سسياڤ يڠ مڠاکو منجادي باڤ کڤد انق ترسبوت. اوليه ايت تيدق بوليه ڤوساک-مموساکاٴي دان تيدق منجادي محرم انتارا کدواڽ.

د. للاکي يڠ مپببکن کلاهيران انق تق صح طرف اتو يڠ مڠاکو منجادي باڤ کڤد انق ترسبوت تيدق بوليه منجادي والي کڤد انق تق صح طرف ترسبوت.

Bertarikh 30 September 2005
Dated 30 September 2005
[PU/PP 3200 Jld. 1]

DATO' HAJI HASSAN BIN HAJI AHMAD
*Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang*
*Mufti of the State of Penang*

NEGERI PULAU PINANG

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

| | | |
|---|---|---|
| Jil. 58<br>No. 7 | 27hb Mac 2014 | *TAMBAHAN No. 4*<br>*PERUNDANGAN* |

Pg. P.U. 5.

# ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI PULAU PINANG) 2004

## FATWA DAN PEMBATALAN FATWA

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 48 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 [*Enakmen 2*], atas perkenan Yang di-Pertuan Agong, Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang, membuat fatwa sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

**Pembatalan**

2. Fatwa Mengenai Fahaman Syiah yang disiarkan dalam Pg. P.U. 1. bertarikh 16 Januari 1997 dibatalkan menurut kuasa subseksyen 50(1) Enakmen 2.

## JADUAL

## FATWA MENGENAI FAHAMAN SYIAH

1. Fahaman dan Ajaran Syiah adalah bercanggah dan menyeleweng daripada Fahaman dan Ajaran Ahli Sunnah Wal Jama'ah dan menjadi ancaman kepada perpaduan ummah, keutuhan agama, perpaduan bangsa dan keamanan negara.

2. Fahaman dan Ajaran ini perlu disekat keseluruhannya daripada berkembang di Negeri Pulau Pinang berdasarkan kepada beberapa percanggahan yang terdapat dalam Fahaman dan Ajaran tersebut sama ada dari sudut akidah, syariah dan lain-lain.

*(a)* **Penyelewengan dari sudut akidah**

(i) **Khalifah diwasiatkan secara nas (الوصاية)**

(Sila rujuk Kitab 'Aqaid al-Imamiah oleh Syeikh Muhammad Redha al-Muzaffar, halaman 78)

(ii) **Imam adalah maksum (العصمة)**

(Sila rujuk Kitab al-Syiah Fi al-Mizan oleh Muhammad Jawad Mughniah, halaman 38)

(iii) **Ilmu Allah berubah-ubah mengikut sesuatu peristiwa yang berlaku kepada manusia (البدا)**

(Sila rujuk Kitab al-Usul Min al-Kafi oleh al-Kulaini, Juzu' 1, halaman 146)

(iv) **Kemunculan semula Imam Mahdi dan kumpulan orang yang telah mati untuk memberi keadilan (الرجعة)**

(Sila rujuk Kitab Aqa'id al-Imamiah oleh al-Syeikh Muhammad Redha al-Muzaffar, halaman 83)

(v) **Berpura-pura (التقية)**

(Sila rujuk Kitab al-Usul min al-Kafi, Juzu' 2 oleh Abu Ja'afar Muhammad bin Ya'kub bin Ishak al-Kulaini al-Razi, halaman 217)

(vi) **Muhammad bin Hassan al-Askari ialah Imam Mahdi al-Muntazar (المهدي المنتظر)**

(Sila rujuk Kitab as-Syiah wa al-Tashih al-Sira' Baina al-Syiah Wa al Tasyayyu' oleh Dr. Musa al-Musawi, halaman 61)

(vii) **Saidina Ali disama tarafkan dengan Allah S.W.T.**

(Sila rujuk Kitab Al-Usul Min al-Kafi oleh al-Kulaini, Juzu' 1, halaman 197)

(viii) **Mengkafirkan para Sahabat Rasulullah S.A.W.**

(Sila rujuk Kitab al-Anwar al-Nu'maniah oleh Syed Nikmatullah al-Musawi, halaman 81)

(ix) **Menghalalkan Nikah Muta'ah**

(Sila rujuk Kitab Man La Yahduruhu al-Faqih oleh Abu Ja'far Muhammad bin Ali bin Al-Hussain bin Babawaih al-Qummi, Juzu' I, halaman 358)

*(b)* **Penyelewengan dari sudut syariah**

(i) **Menolak Ijma' Ulama'**

(Sila rujuk Kitab Mukhtasar al-Tuhfah al-Ithna Asyariyyah oleh Shah Abdul Aziz Ghulam Hakim al-Dahlawi, halaman 51)

(ii) **Menolak Qiyas**

(Sila rujuk Kitab Aslu al-Syiah wa Usuluha oleh Muhammad bin al-Hussain Ali Kashif al-Ghito', halaman 149)

(iii) **Mengamalkan Nikah Muta'ah**

(Sila rujuk Kitab al-Nihayah Fi Mujarrad al-Fiqh Wa al-Fatawa oleh Abu Ja'faar Muhammad bin al-Hassan al-Tusi, halaman 489 – 491. Kitab Tahzib al-Ahkam oleh Abu Ja'far Muhammad bin al-Hassan at-Tusi, halaman 254, 259, 266)

(iv) **Menolak 'aul dan mendahulukan qorabah daripada 'asobah dalam masalah pusaka**

(Sila rujuk Buku Minhaj Kebenaran dan Pendedahannya (Fiqh Lima mazhab di antara Nas dan Ijtihad) oleh al-Hassan bin Yusuf al- Mutahhar al-Hulliyy, terjemahan Prof. Madya Dr. Lutfi Ibrahim, halaman 100 - 101)

(v) **Menuduh Abu Bakar, Umar, Uthman dan Mu'awiyah sebagai empat berhala Quraisy serta pengikut mereka adalah musuh Allah**

(Sila rujuk Kitab al-Tafsir oleh Muhammad bin Mas'ud bin al-Iyasy, Juzu' I, halaman 116)

(vi) **Hanya Saidina Ali yang menghimpunkan Al-Quran dengan sempurna**

(Sila rujuk Kitab al-Usul Min al-Kafi oleh al-Kulaini, Juzu' I, halaman 228)

(vii) **Menambah Syahadah**

(Sila rujuk Kitab al-Usul Min al-Kafi oleh al-Kulaini, Juzu' I, halaman 441)

(viii) **Menolak Hadith yang diriwayatkan oleh Ahli Sunnah Wal Jama'ah**

(Sila rujuk Kitab Aslu al-Syiah Wa Usuluha oleh Muhammad bin al-Hussain Ali Kashif al-Ghito', halaman 149)

*(c)* **Pelbagai penyelewengan umum**

(i) **Menziarahi kubur Saidina Husain ganjarannya syurga**

(Sila rujuk Kitab al-Irsyad oleh Muhammad bin Muhammad bin al-Nu'man al-Baghdadi, halaman 252)

(ii) **Menyeksa tubuh badan sempena 10 Muharram**

(Sila rujuk Kitab as-Syiah Wa al Tashih al-Sira' Baina al-Syiah Wa al Tasyayyu' oleh Dr. Musa al-Musawi, halaman 98)

(iii) **Menghina Abu Bakar dan Umar serta dua orang isteri Nabi Muhammad S.A.W. iaitu Saidatina Aishah dan Hafsah**

(Sila rujuk Kitab Tuhfah al-Awam Maqbul oleh al-Syed Manzur Hussain, halaman 330)

(iv) **Menetapkan prinsip Khumus sebagai kadar zakat**

(Sila rujuk Kitab Tahzib al-Ahkam oleh Ja'afar Muhammad bin al Tusi, halaman 122)

(v) **Imamah dan Khilafah sebahagian daripada rukun Islam dan ianya berlaku melalui nas**

(Sila rujuk Buku Minhaj Kebenaran dan Pendedahannya Fiqh Lima Mazhab di antara Nas dan Ijtihad oleh al-Hassan bin Yusuf al- Mutahhar al-Hulliyy, terjemahan Prof. Madya Dr. Lutfi Ibrahim, halaman 145 – 146)

(vi) **Mengharuskan jama' sembahyang dalam semua keadaan**

(Sila rujuk Buku Minhaj Kebenaran dan Pendedahannya Fiqh Lima Mazhab di antara Nas dan Ijtihad oleh al-Hassan bin Yusuf al-Mutahhar al-Hulliyy, terjemahan Prof. Madya Dr. Lutfi Ibrahim, tahun 1993 halaman 36)

(vii) **Sembahyang Dhuha adalah Bid'ah**

(Sila rujuk Buku Minhaj Kebenaran dan Pendedahannya Fiqh Lima Mazhab di antara Nas dan Ijtihad oleh al-Hassan bin Yusuf al-Mutahhar al-Hulliyy, terjemahan Prof. Madya Dr. Lutfi Ibrahim, halaman 31)

(viii) **Islam bukanlah syarat wajib Haji**

(Sila rujuk Buku Minhaj Kebenaran dan Pendedahannya (Fiqh Lima Mazhab di antara Nas dan Ijtihad) oleh al-Hassan bin Yusuf al-Mutahhar al-Hulliyy, terjemahan Prof. Madya Dr. Lutfi Ibrahim, halaman 31)

(ix) **Wajib menyapu kedua-dua belah kaki dan tidak memadai basuh pada kedua-duanya**

(Sila rujuk Buku Minhaj Kebenaran dan Pendedahannya (Fiqh Lima Mazhab di antara Nas dan Ijtihad) oleh al-Hassan bin Yusuf al-Mutahhar al-Hulliyy, terjemahan Prof. Madya Dr. Lutfi Ibrahim, halaman 31)

3. Mana-mana orang Islam atau kumpulan dilarang berpegang kepada Ajaran dan Fahaman tersebut kerana ia bertentangan dengan Ajaran dan Fahaman Ahli Sunnah Wal Jama'ah. Larangan ini meliputi—

*(a)* Mana-mana orang Islam, sama ada secara individu atau berkumpulan, yang menjadi pengikut Ajaran dan Fahaman ini adalah disifatkan mengamalkan ajaran dan fahaman yang bercanggah dengan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah;

*(b)* Mana-mana orang Islam, sama ada secara individu atau berkumpulan, melalui pertubuhan, persatuan atau syarikat yang menjadi ahli jamaah atau pengikut Syiah dengan berselindung di sebalik apa-apa aktiviti ekonomi, perniagaan, pendidikan, kesenian dan sebagainya yang mempunyai unsur-unsur persamaan dengan Ajaran dan Fahaman Syiah, adalah disifatkan mengamalkan ajaran dan fahaman yang bercanggah dengan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah;

*(c)* Mana-mana orang Islam, sama ada secara individu atau berkumpulan, melalui pertubuhan, persatuan atau syarikat yang cuba menghidupkan kembali Ajaran dan Fahaman Syiah sama ada melalui apa-apa rangkaian, atau mana-mana pertubuhan atau persatuan yang mempunyai unsur-unsur persamaan dengan Ajaran dan Fahaman Syiah adalah disifatkan mengamalkan ajaran dan fahaman yang bercanggah dengan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah;

*(d)* Apa-apa variasi, versi, bentuk atau cabang mana-mana Ajaran atau Fahaman Syiah atau apa-apa ajaran atau fahaman baharu yang mempunyai persamaan dengan unsur-unsur Ajaran dan Fahaman Syiah adalah bercanggah dengan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah;

*(e)* Apa-apa jua bahan publisiti dan sebaran yang menonjolkan Ajaran atau Fahaman Syiah atau apa-apa ajaran atau fahaman baharu yang mempunyai persamaan dengan unsur-unsur ajaran dan fahaman Syiah dalam apa-apa jua bentuk penerbitan dan cetakan **adalah diharamkan;**

*(f)* Orang-orang Islam juga adalah dilarang memiliki, menyimpan, mencetak, menjual, termasuk mengedarkan filem, rakaman audio, risalah, buku, majalah atau apa-apa terbitan lain, dan apa-apa dokumen, menggunakan sebarang bentuk lambang, rajah atau tanda yang boleh mengaitkan Ajaran dan Fahaman Syiah kepada mana-mana harta alih atau tak alih, dan semua pihak dilarang daripada memberi apa jua kemudahan dan bantuan;

(*g*) Apa-apa jua bentuk tindakan seperti yang dinyatakan di atas hendaklah dihalang dan diambil tindakan menurut undang-undang.

Dibuat 24 Disember 2013
[JMNPP/(S)/19/1101/001 Klt. 2(11); PUNPP 352/100/1/2/E-A/1 Jld. 2]

Dengan Titah Perintah

DATO' SERI HAJI HASSAN BIN HAJI AHMAD
*Pengerusi Jawatankuasa Fatwa*
*Negeri Pulau Pinang*

ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM
(STATE OF PENANG) ENACTMENT 2004

*FATWA* AND REVOCATION OF *FATWA*

IN exercise of the powers conferred by section 48 of the Administration of the Religion of Islam (State of Penang) Enactment 2004 [*Enactment 2*], on the assent of the Yang di-Pertuan Agong, the *Fatwa* Committee for the State of Penang, makes the *fatwa* as set out in the Schedule.

**Revocation**

2. The Fatwa on the Teachings of Syiah published in Pg. P.U. 1. dated 16 January 1997 is revoked pursuant to the powers of subsection 50(1) of Enactment 2.

SCHEDULE

*FATWA MENGENAI FAHAMAN SYIAH*

*1. Fahaman dan Ajaran Syiah adalah bercanggah dan menyeleweng daripada Fahaman dan Ajaran Ahli Sunnah Wal Jama'ah dan menjadi ancaman kepada perpaduan ummah, keutuhan agama, perpaduan bangsa dan keamanan negara.*

*2. Fahaman dan Ajaran ini perlu disekat keseluruhannya daripada berkembang di Negeri Pulau Pinang berdasarkan kepada beberapa percanggahan yang terdapat dalam Fahaman dan Ajaran tersebut sama ada dari sudut akidah, syariah dan lain-lain.*

*(a) Penyelewengan dari sudut akidah*

*(i) Khalifah diwasiatkan secara nas* (الوصاية)

*(Sila rujuk Kitab 'Aqaid al-Imamiah oleh Syeikh Muhammad Redha al-Muzaffar, halaman 78)*

*(ii) Imam adalah maksum* (العصمة)

*(Sila rujuk Kitab al-Syiah Fi al-Mizan oleh Muhammad Jawad Mughniah, halaman 38)*

*(iii) Ilmu Allah berubah-ubah mengikut sesuatu peristiwa yang berlaku kepada manusia.* (البداء)

*(Sila rujuk Kitab al-Usul Min al-Kafi oleh al-Kulaini, Juzu' 1, halaman 146)*

*(iv) Kemunculan semula Imam Mahdi dan kumpulan orang yang telah mati untuk memberi keadilan* (الرجعة)

*(Sila rujuk Kitab Aqa'id al-Imamiah oleh al-Syeikh Muhammad Redha al-Muzaffar, halaman 83)*

*(v) Berpura-pura* (التقية)

*(Sila rujuk Kitab al-Usul min al-Kafi, Juzu' 2 oleh Abu Ja'afar Muhammad bin Ya'kub bin Ishak al-Kulaini al-Razi, halaman 217)*

*(vi) Muhammad bin Hassan al-Askari ialah Imam Mahdi al-Muntazar* (المهدي المنتظر)

*(Sila rujuk Kitab as-Syiah wa al-Tashih al-Sira' Baina al-Syiah Wa al Tasyayyu' oleh Dr. Musa al-Musawi, halaman 61)*

*(vii) Saidina Ali disama tarafkan dengan Allah S.W.T.*

*(Sila rujuk Kitab Al-Usul Min al-Kafi oleh al-Kulaini, Juzu' 1, halaman 197)*

(viii) *Mengkafirkan para Sahabat Rasulullah S.A.W.*

*(Sila rujuk Kitab al-Anwar al-Nu'maniah oleh Syed Nikmatullah al-Musawi, halaman 81)*

(ix) *Menghalalkan Nikah Muta'ah*

*(Sila rujuk Kitab Man La Yahduruhu al-Faqih oleh Abu Ja'far Muhammad bin Ali bin Al-Hussain bin Babawaih al-Qummi, Juzu' 1, halaman 358)*

(b) *Penyelewengan dari sudut syariah*

(i) *Menolak Ijma' Ulama'*

*(Sila rujuk Kitab Mukhtasar al-Tuhfah al-Ithna Asyariyyah oleh Shah Abdul Aziz Ghulam Hakim al-Dahlawi, halaman 51)*

(ii) *Menolak Qiyas*

*(Sila rujuk Kitab Aslu al-Syiah wa Usuluha oleh Muhammad bin al-Hussain Ali Kashif al-Ghito', halaman 149)*

(iii) *Mengamalkan Nikah Muta'ah*

*(Sila rujuk Kitab al-Nihayah Fi Mujarrad al-Figh Wa al-Fatawa oleh Abu Ja'faar Muhammad bin al-Hassan al-Tusi, halaman 489 – 491. Kitab Tahzib al-Ahkam oleh Abu Ja'far Muhammad bin al-Hassan at-Tusi, halaman 254, 259, 266)*

(iv) ***Menolak 'aul dan mendahulukan qorabah daripada 'asobah dalam masalah pusaka***

*(Sila rujuk Buku Minhaj Kebenaran dan Pendedahannya (Fiqh Lima mazhab di antara Nas dan Ijtihad) oleh al-Hassan bin Yusuf al- Mutahhar al-Hulliyy, terjemahan Prof. Madya Dr. Lutfi Ibrahim, halaman 100 – 101)*

(v) *Menuduh Abu Bakar, Umar, Uthman dan Mu'awiyah sebagai empat berhala Quraisy serta pengikut mereka adalah musuh Allah*

*(Sila rujuk Kitab al-Tafsir oleh Muhammad bin Mas'ud bin al-Iyasy, Juzu' I, halaman 116)*

(vi) *Hanya Saidina Ali yang menghimpunkan Al-Quran dengan sempurna*

*(Sila rujuk Kitab al-Usul Min al-Kafi oleh al-Kulaini, Juzu' I, halaman 228)*

(vii) *Menambah Syahadah*

*(Sila rujuk Kitab al-Usul Min al-Kafi oleh al-Kulaini, Juzu' I, halaman 441)*

(viii) *Menolak Hadith yang diriwayatkan oleh Ahli Sunnah Wal Jama'ah*

*(Sila rujuk Kitab Aslu al-Syiah Wa Usuluha oleh Muhammad bin al-Hussain Ali Kashif al-Ghito', halaman 149)*

(c) *Pelbagai penyelewengan umum*

(i) *Menziarahi kubur Saidina Husain ganjarannya syurga*

*(Sila rujuk Kitab al-Irsyad oleh Muhammad bin Muhammad bin al-Nu'man al-Baghdadi, halaman 252)*

(ii) *Menyeksa tubuh badan sempena 10 Muharram*

*(Sila rujuk Kitab as-Syiah Wa al Tashih al-Sira' Baina al-Syiah Wa al Tasyayyu' oleh Dr. Musa al-Musawi, halaman 98)*

(iii) *Menghina Abu Bakar dan Umar serta dua orang isteri Nabi Muhammad S.A.W. iaitu Saidatina Aishah dan Hafsah*

*(Sila rujuk Kitab Tuhfah al-Awam Maqbul oleh al-Syed Manzur Hussain, halaman 330)*

(iv) ***Menetapkan prinsip Khumus sebagai kadar zakat***

*(Sila rujuk Kitab Tahzib al-Ahkam oleh Ja'afar Muhammad bin al Tusi, halaman 122)*

(v) ***Imamah dan Khilafah sebahagian daripada rukun Islam dan ianya berlaku melalui nas***

*(Sila rujuk Buku Minhaj Kebenaran dan Pendedahannya Fiqh Lima Mazhab di antara Nas dan Ijtihad oleh al-Hassan bin Yusuf al- Mutahhar al-Hulliyy, terjemahan Prof. Madya Dr. Lutfi Ibrahim, halaman 145 – 146)*

(vi) ***Mengharuskan jama' sembahyang dalam semua keadaan***

*(Sila rujuk Buku Minhaj Kebenaran dan Pendedahannya Fiqh Lima Mazhab di antara Nas dan Ijtihad oleh al-Hassan bin Yusuf al-Mutahhar al-Hulliyy, terjemahan Prof. Madya Dr. Lutfi Ibrahim, tahun 1993 halaman 36)*

(vii) ***Sembahyang Dhuha adalah Bid'ah***

*(Sila rujuk Buku Minhaj Kebenaran dan Pendedahannya Fiqh Lima Mazhab di antara Nas dan Ijtihad oleh al-Hassan bin Yusuf al-Mutahhar al-Hulliyy, terjemahan Prof. Madya Dr. Lutfi Ibrahim, halaman 31)*

(viii) ***Islam bukanlah syarat wajib Haji***

*(Sila rujuk Buku Minhaj Kebenaran dan Pendedahannya (Fiqh Lima Mazhab di antara Nas dan Ijtihad) oleh al-Hassan bin Yusuf al-Mutahhar al-Hulliyy, terjemahan Prof. Madya Dr. Lutfi Ibrahim, halaman 31)*

(ix) ***Wajib menyapu kedua-dua belah kaki dan tidak memadai basuh pada kedua-duanya***

*(Sila rujuk Buku Minhaj Kebenaran dan Pendedahannya (Fiqh Lima Mazhab di antara Nas dan Ijtihad) oleh al-Hassan bin Yusuf al-Mutahhar al-Hulliyy, terjemahan Prof. Madya Dr. Lutfi Ibrahim, halaman 31)*

*3. Mana-mana orang Islam atau kumpulan dilarang berpegang kepada Ajaran dan Fahaman tersebut kerana ia bertentangan dengan Ajaran dan Fahaman Ahli Sunnah Wal Jama'ah. Larangan ini meliputi—*

(a) *Mana-mana orang Islam, sama ada secara individu atau berkumpulan, yang menjadi pengikut Ajaran dan Fahaman ini adalah disifatkan mengamalkan ajaran dan fahaman yang bercanggah dengan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah;*

(b) *Mana-mana orang Islam, sama ada secara individu atau berkumpulan, melalui pertubuhan, persatuan atau syarikat yang menjadi ahli jamaah atau pengikut Syiah dengan berselindung di sebalik apa-apa aktiviti ekonomi, perniagaan, pendidikan, kesenian dan sebagainya yang mempunyai unsur-unsur persamaan dengan Ajaran dan Fahaman Syiah, adalah disifatkan mengamalkan ajaran dan fahaman yang bercanggah dengan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah;*

(c) *Mana-mana orang Islam, sama ada secara individu atau berkumpulan, melalui pertubuhan, persatuan atau syarikat yang cuba menghidupkan kembali Ajaran dan Fahaman Syiah sama ada melalui apa-apa rangkaian, atau mana-mana pertubuhan atau persatuan yang mempunyai unsur-unsur persamaan dengan Ajaran dan Fahaman Syiah adalah disifatkan mengamalkan ajaran dan fahaman yang bercanggah dengan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah;*

(d) *Apa-apa variasi, versi, bentuk atau cabang mana-mana Ajaran atau Fahaman Syiah atau apa-apa ajaran atau fahaman baharu yang mempunyai persamaan dengan unsur-unsur Ajaran dan Fahaman Syiah adalah bercanggah dengan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah;*

(e) *Apa-apa jua bahan publisiti dan sebaran yang menonjolkan Ajaran atau Fahaman Syiah atau apa-apa ajaran atau fahaman baharu yang mempunyai persamaan dengan unsur-unsur ajaran dan fahaman Syiah dalam apa-apa jua bentuk penerbitan dan cetakan adalah diharamkan;*

(f) *Orang-orang Islam juga adalah dilarang memiliki, menyimpan, mencetak, menjual, termasuk mengedarkan filem, rakaman audio, risalah, buku, majalah atau apa-apa terbitan lain, dan apa-apa dokumen, menggunakan sebarang bentuk lambang, rajah atau tanda yang boleh mengaitkan Ajaran dan Fahaman Syiah kepada mana-mana harta alih atau tak alih, dan semua pihak dilarang daripada memberi apa jua kemudahan dan bantuan;*

(g) *Apa-apa jua bentuk tindakan seperti yang dinyatakan di atas hendaklah dihalang dan diambil tindakan menurut undang-undang.*

Made 24 December 2013
[JMNPP/(S)/19/1101/001 Klt. 2(11); PUNPP 352/100/1/2/E-A/1 Jld. 2]

By Command

DATO' SERI HAJI HASSAN BIN HAJI AHMAD
*Chairman of the Fatwa Commitee*
*State of Penang*

NEGERI PULAU PINANG

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

| | | |
|---|---|---|
| **Jil. 53** | **8hb Oktober 2009** | **No. 21** |


ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI PULAU PINANG) 2004

**No. 667.**

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 48

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 48(3) dan (4) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004. Mufti Negeri Pulau Pinang atas perkenan Yang di-Pertuan Agong membuat fatwa seperti yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

## FATWA MENGENAI HUKUM WANITA MENYERUPAI LELAKI DAN SEBALIKNYA

1. Bahawa pengkid iaitu wanita yang mempunyai penampilan dan gerak laku serta memiliki kecenderungan naluri seksual seperti lelaki. Pemakaian budaya pengkid adalah haram di sisi Islam. Pengharaman ini juga meliputi orang lelaki

yang mempunyai penampilan dan gerak laku menyerupai orang perempuan. Oleh yang demikian, ibu bapa serta masyarakat Islam digesa supaya memberi perhatian serius terhadap gejala ini serta menekankan pendidikan dan tunjuk ajar yang sebaik-baiknya kepada anak-anak khususnya dalam aspek berpakaian, perlakuan dan penampilan supaya gejala seumpama ini dapat dielakkan kerana ia adalah berlawanan dengan fitrah dan sunnatullah.

2. Pengharaman ini adalah berdasarkan:

(i) Hadis:

لعن النبي صلى الله عليه وسلم المخنثين من الرجال, والمترجلات من النساء

Daripada Ibn Abbas r.a berkata: "Rasulullah s.a.w. melaknat mereka yang menyerupai wanita daripada kalangan lelaki dan mereka yang menyerupai lelaki daripada kalangan wanita". (Sahih Bukhari)

(ii) Hadis:

لعن رسول الله عليه وسلم الرجل يلبس لبسة المرأة, والمرأة تلبس لبسة الرجل

Daripada Abu Hurairah r.a berkata: "Rasulullah s.a.w. telah melaknat orang lelaki yang memakai pakaian perempuan dan perempuan yang memakai pakaian lelaki". (Sunan Abu Daud)

Bertarikh 5 Ogos 2009
[JMN/PP/7/002 Jld. 2; PUNPP 152.100.1/2/2(1)]

DATUK HAJI HASSAN BIN HAJI AHMAD
*Mufti Kerajaan Negeri*
*Pulau Pinang*

## فتوى دباوه سيكشن 48

ڤد منجالنكن كواس يڠ دبريكن اوليه سوبسيكشن 48 (3) دان (4) اينكمن ڤنتدبيرن اݢام اسلام ( نݢري ڤولاو ڤينڠ ) 2004, مفتي نݢري ڤولاو ڤينڠ اتس ڤركن يڠ دڤرتوان اكوڠ ممبوات فتوى سڤرتي يڠ دڤاتاكن دالم جدوال.

## جدوال

## فتوى مڠنائي حکوم وانيتا ميروڤاءي للاکي دان سباليقڽ

1. بهاوا ڤيڠکيد ياءيت وانيتا يڠ ممڤوڽاءي ڤنمڤيلن دان کڤرلاکوان سرتا ممليکي کچندروڠن نلوري سيکسوال سڤرتي للاکي. ڤماکاين بودايا ڤيڠکيد اداله حرام دسيسي إسلام. ڤڠحرامن اين جوݢ مليڤوتي اورڠ للاکي يڠ ممڤوڽاءي ڤنمڤيلن دان کڤرلاکوان ميروڤاءي اورڠ ڤرمڤوان. اوليه يڠ دمکين، ابوباڤ سرت مشارکت إسلام دکسا سڤاي ممبري ڤرهاتين سريوس ترهادڤ کݢالا اين سرتا منکنکن ڤنديديقکن دان تونجوق اجر يڠ سباءيق-باءيقڽ کڤد انق- انق خصوصڽ دالم اسڤيق برڤاکاين، ڤرلاکوان دان ڤنمڤيلن سڤايا کݢالا ساءومڤام اين داڤت دايلقکن کران اي اداله برلاوانن دڠن ڤطره دان سنة الله.

2. ڤڠحرامن اين أداله برداسرکن :

i. حديث :

لعن النبى صلى الله عليه وسلم المخنثين من الرجال. والمترجلات من النساء

*درڤد ابن عباس رضى الله عنه برکات : " رسول الله صلى الله عليه وسلم ملعنة مريک يڠ ميروڤاءي وانيتا درڤد کالڠن للاکي دان مريک يڠ ميروڤاءي للاکي درڤد کالڠن وانيتا "*

*(صحيح بخاري)*

ii. حديث :

لعن رسول الله صلى الله عليه وسلم الرجل يلبس لبسة المرأة, والمرأة تلبس لبسة الرجل

*درڤد ابو هريرة رضى الله عنه برکات : " رسول الله صلى الله عليه وسلم تله ملعنة أورڠ للاکي يڠ مماکاي ڤکاءين ڤرمڤوان دان ڤرمڤوان يڠ مماکاي ڤکاءين للاکي. " (سنن ابو داود )*

برتاريخ 5 Ogos 2009

[JMN/PP/7/002 Jld.2; PUNPP 152.100.1/2/2(1)]

داتوء حاج حسن بن حاج أحمد

مفتي کراجاءن نݢري ڤولاو ڤينڠ

NEGERI PULAU PINANG

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

**Jil. 53** **8hb Oktober 2009** **No. 21**

## ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI PULAU PINANG) 2004

**No. 666.**

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 48

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 48(3) dan (4) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004, Mufti Negeri Pulau Pinang atas perkenan Yang di-Pertuan Agong membuat fatwa seperti yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

### FATWA MENGENAI KEDUDUKAN SENAMAN YOGA BAGI UMAT ISLAM

1. Bahawa senaman yoga yang berasal daripada masyarakat Hindu sejak sebelum masihi lagi. Senaman yoga yang menggabungkan amalan fizikal serta unsur-unsur keagamaan dan pemujaan adalah haram untuk diamalkan dan boleh merosakkan akidah. Oleh yang demikian, apa jua jenis atau bentuk senaman yang mengandungi unsur-unsur tersebut di atas adalah dilarang dan bertentangan dengan syariat Islam.

2. Pengharaman ini berdasarkan:

(i) Hadis Rasulullah s.a.w:

Daripada Abu Muhammad Al-Hassan bin Ahli bin Abi Thalib, Rasulullah s.a.w. bersabda:

دع ما يريبك الى ما لا يريبك

"Tinggalkan apa yang meragukan kepada apa yang tidak meragukan". (at-Tarmizi).

(ii) Hadis Rasulullah s.a.w. riwayat Abu Daud:

من تشبه بقوم فهو منهم

"Sesiapa yang menyerupai sesuatu kaum maka dia adalah dari golongan mereka".

(iii) Kaedah Fiqh:

ما أتى الى الحرام فهو حرام

"Apa yang membawa kepada haram maka hukumnya adalah haram".

Bertarikh 5 Ogos 2009
[JMN/PP/7/002 Jld. 2; PUNPP 152.100.1/2/2(1)]

DATUK HAJI HASSAN BIN HAJI AHMAD
*Mufti Kerajaan Negeri*
*Pulau Pinang*

اينكمن ڤنتدبيرن اݢام اسلام ( نݢري ڤولاو ڤينڠ ) 2004

فتوى دباوه سيكشن 48

ڤد منجالنكن كواس يڠ دبريكن اوليه سوبسيكشن 48 (3) دان (4) اينكمن ڤنتدبيرن اݢام اسلام ( نݢري ڤولاو ڤينڠ ) 2004, مفتي نݢري ڤولاو ڤينڠ اتس ڤركنن يڠ دڤرتوان اݢوڠ ممبوات فتوى سڤرتي يڠ دڽاتاكن دالم جدوال.

جدوال

فتوى مڠناءي كدودوقن سنمن يوݢ باݢي اومت إسلام

1. بهاوا سنمن يوݢ يڠ براصل درڤد مشاركت هيندو سجق سبلوم مسيحي لاݢي. سنمن يوݢ يڠ مڠڬابوڠكن عملن فيزيكل سرت عنصور- عنصور كاݢماءن دان ڤموجاءن اداله حرام اونتوق دعملكن دان بوليه مروسقكن عقيده. اوليه يڠ دمكين, اڤ جوا جنيس اتاو بنتوق سنمن يڠ مڠندوڠي عنصور- عنصور ترسبوت داتس اداله دلارڠ دان برتنتڠن دڠن شريعة إسلام.

.2 ڤڠحرامن اين اداله برداسركن :

.i حديث رسول الله صلى الله عليه وسلّم :

. درڤد ابو محمد الحسن بن علي بن ابى طالب، رسول الله صلّى الله عليه وسلّم برسبدا :

**دع ما يريبك الى ما لا يريبك**

*" تيڠݢلكن اڤ يڠ مراݢوكن كڤد اڤ يڠ تيدق مراݢوكن" ( الترميذى)*

.ii حديث رسول الله صلّى الله عليه وسلّم رواية ابو داود :

**من تشبه بقوم فهو منهم**

*" سسياڤ يڠ ميروڤائي سسوات قوم مك دي اداله دري ݢولوڠن مريك"*

.iii قاعده فقه :

– **ما أتى الى الحرام فهو حرام**

*" اڤ يڠ ممباوا كڤد حرام مك حكومڽ اداله حرام"*

برتاريخ 5 Ogos 2009
[JMN/PP/7/002 Jld.2; PUNPP 152.100.1/2/2(1)]

داتوق حاج حسن بن حاج أحمد
مفتي كراجأن نݢري ڤولاو ڤينڠ